

BENPINE

Chlordiazepoxide hydrochloride (5 mg, 10 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Benpine
2. Bagaimana Benpine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Benpine
4. Cara menggunakan Benpine
5. Semasa menggunakan Benpine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini

Apakah kegunaan Benpine

Benpine digunakan untuk merawat kemurungan. Ia juga digunakan untuk melegakan simptom ketagihan alkohol.

Bagaimana Benpine berfungsi

Benpine mengandungi bahan aktif chlordiazepoxide yang tergolong dalam kategori benzodiazepines yang berfungsi sebagai penenang.

Sebelum menggunakan Benpine

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Benpine sekiranya anda mempunyai alahan terhadap chlorodiazepoxide atau apa-apa kandungannya (sila rujuk bahagian **Maklumat lanjut**).

-Sebelum mula menggunakan

Sila maklumkan doktor sekiranya anda mempunyai sebarang keadaan perubatan, terutamanya:

- Hamil
- Menyusukan bayi
- Kanak-kanak
- Orang tua
- (Sejarah) ketagihan alkohol
- (Sejarah) ketagihan dadah
- Kemurungan
- Penyakit mental

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Walaupun sesetengah ubat tidak boleh diambil bersama tetapi sesetengah situasi memerlukan pengambilan dua atau lebih ubat bersama. Sekiranya ini berlaku, maklumkan kepada doktor supaya doktor boleh mengubah kekuatan ubat dan mengambil lebih langkah berhati-hati sekiranya perlu. Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengambil:

- *Central nervous system* (CNS) *depressants* (ubat mengantuk)

Ubat-ubatan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh bertindak balas dengan Benpine. Doktor dan ahli farmasi mempunyai lebih banyak maklumat mengenai ubat-ubatan yang memerlukan pengawasan atau pengelakan semasa mengambil Benpine.

Cara menggunakan Benpine

-Berapa banyak harus digunakan

Ambil seperti arahan doktor.

- Dewasa: 15mg sehingga 40mg sehari dalam dos berasingan.
- Kanak-kanak 6 tahun ke atas: 0.5mg/kg tiga atau empat kali.
- Orang tua/lemah: 10mg sehingga 20mg sehari dalam dos berasingan.

-Bila perlu digunakan

Patuhi arahan doktor dan label ubat.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Benpine selagi disarankan oleh doktor. Jangan mengambil Benpine lebih lama daripada yang ditetapkan oleh doktor. Penggunaan Benpine yang berterusan tidak digakkan kecuali dengan arahan doktor.

-Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda mengambil setiap hari dan tertinggal satu dos, ambil secepat mungkin sekiranya teringat dalam masa sejam. Sekiranya teringat lambat, tinggalkan dos tertinggal dan ikut jadual pengambilan yang biasa. Jangan gandakan dos pengambilan.

-Jika menggunakan berlebihan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke jabatan kecemasan yang berdekatan sekiranya anda rasa anda atau sesiapa sahaja telah menggunakan Benpine secara berlebihan. Ambil tindakan ini walaupun tiada tanda-tanda tidak selesa atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan.

Simptom penggunaan berlebihan ialah: kekeliruan, pengsan, mengantuk, reflex lambat, pergerakan tidak teratur (ataxia), terhuyung-hayang dan berasa hendak tidur.

Semasa menggunakan Benpine

-Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya anda mengambil Benpine

secara kerap untuk jangka masa yang lama, rujuk doktor anda dengan lebih kerap.

Pastikan anda tahu tindak balas Benpine sebelum memandu atau mengendalikan mesin.

Rujuk doktor terlebih dahulu sekiranya anda perlu mengambil *CNS depressant*, *antihistamine*, sedatif, ubat tidur, ubat bius termasuk bius pergigian.

Beritahu doktor berkenaan sebelum anda menjalankan pemeriksaan kesihatan.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Benpine serta-merta walaupun anda rasa anda telah ketagih.

Sekiranya anda telah mengambil Benpine untuk jangka masa panjang dan dalam kuantiti yang banyak, jangan berhenti serta-merta tanpa merujuk doktor. Doktor anda mungkin akan mengurangkan dos secara berperingkat sebelum memberhentikan sepenuhnya. Berhenti mengambil ubat ini serta-merta boleh mengakibatkan kesan sarak (*withdrawal*) termasuk sawan.

Sekiranya anda rasa ubat ini tidak berkesan setelah anda menggunakan untuk beberapa minggu, jangan tingkatkan dos. Sebaliknya, rujuk doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan mesin

Benpine boleh menyebabkan pening kepala dan mengantuk pada sesetengah orang dan mengakibatkan kurang kepekaan. Pastikan anda tahu bagaimana tindak balas Benpine pada anda sebelum anda memandu kenderaan atau mengendalikan mesin atau melakukan apa sahaja yang mungkin membahayakan sekiranya anda pening, mengantuk dan kurang peka.

Penggunaan bersama dengan alkohol.

Apabila mengambil alkohol bersama Benpine. Menggabungkan Benpine dan alkohol boleh menyebabkan anda lebih mengantuk dan pening. Doktor anda mungkin akan menasihati anda untuk menghindari alkohol atau mengurangkan pengambilan alkohol semasa mengambil ubat ini.

BENPINE

Chlordiazepoxide hydrochloride (5 mg, 10 mg)

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Benpine juga mempunyai kesan sampingan walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Sila hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital berdekatan sekiranya anda mengalami:

- Simptom alahan seperti ruam dan gatal-gatal pada kulit, sesak nafas, berdehit atau sukar untuk bernafas, tangan, buku lali dan kaki bengkok.
- Kecelaruhan darah (simptom termasuk lemah, pucat, dan masalah pendarahan).
- Kekuningan pada kulit dan mata, najis berwarna pucat dan air kencing berwarna gelap (demam kuning)

Sila beritahu doktor sekiranya anda mengalami perkara dibawah dan merunsingkan anda:

- Mengantuk dan keliru.
- Mual, muntah, sembelit.
- Pergerakan tidak teratur.
- Haid tidak teratur.
- Perubahan nafsu seks.

Sekiranya kesan sampingan semakin teruk atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan, sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adverse ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau melawati laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan Pelupusan Benpine

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Benpine 5mg Tablet: Tablet berbentuk bulat, dwicembung, bewarna kelabu, bersalut selaput dan bertanda logo "ATC" dalam segitiga dan "5" pada permukaan yang sama.

Benpine 10mg Capsule: kapsul gelatin keras bewarna kelabu kebiruan dengan ukiran logo "ATC".

-Bahan-bahan kandungan

Benpine 5mg Tablet

- Bahan aktif:
Chlordiazepoxide HCl

- Bahan tidak aktif:
Tepung jagung, laktosa, magnesium stearate, gula, calcium carbonate, titanium dioxide, Blue No.1 (Brilliant Blue), Quinoline Yellow, shellac, acacia, carmoisin, gelatin, carnouba wax fine powder, talc, povidone.

Benpine 10mg Capsule

- Bahan aktif:
Chlorodiazepoxide HCl

- Bahan tidak aktif:
Povidone, laktosa, tepung jagung, magnesium stearate

-Nombor MAL

Benpine 5mg Tablet - MAL19861311A

Benpine 10mg Capsule -
MAL19861310A

Pengilang

Atlantic Laboratories Corporation Ltd.
2038 Sukhumvit Road, Bangchak,
Phrakanong, Bangkok 10260, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Atlantic Laboratories (M) Sdn Bhd
No 4 Jalan Anggerik Vanilla Z 31/Z Kota
Kemuning 40460 Shah Alam Selangor.

Tarikh Kemaskini RiMUP

12/11/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)140815/00247